



**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SYARAT-SYARAT AM

- a) Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- c) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

PERATURAN 7(a)

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mempelawa pemohon daripada kalangan orang ramai dan pegawai / kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam untuk memohon jawatan berikut:

- 1. **JAWATAN** : Pembantu Teknologi Pendidikan
- 2. **BAHAGIAN** : IV
- 3. **TANGGAGAJI** : D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1.625) sebulan
- 4. **KEKOSONGAN JAWATAN** : Satu (1)

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- a. 4 Kepujian / Kredit mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu.

ATAU

- b. *BDTVEC / BTEC National Trade Certificate Grade 2 (NTC 2)* dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- c. Telah berkhidmat dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

6. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- a. Menyelaras penyediaan dan memastikan ketersediaan peralatan serta kemudahan IT, audio dan visual bagi menyokong kelancaran pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan rasmi di bilik-bilik kuliah, bilik mesyuarat dan dewan.
- b. Merancang dan melaksanakan penyelenggaraan berkala ke atas peralatan IT, audio dan visual melalui penyediaan jadual penyelenggaraan yang sistematik bagi memastikan tahap kebolegunaan dan keberkesanan peralatan sentiasa terpelihara.

- c. Memantau, memeriksa serta melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan peralatan IT, audio dan visual di bilik-bilik kuliah, bilik mesyuarat dan dewan bagi memastikan peralatan berada dalam keadaan selamat, berfungsi dengan baik dan memenuhi keperluan operasi.
- d. Menyelaras pengendalian aduan berkaitan kerosakan atau gangguan peralatan IT, audio dan visual serta mengambil tindakan pembaikan dengan segera bagi memastikan kelancaran penggunaan kemudahan tersebut.
- e. Merancang dan melaksanakan inisiatif penambahbaikan terhadap kemudahan dan peralatan IT, audio dan visual bagi meningkatkan keberkesanan sokongan teknologi kepada aktiviti akademik dan pentadbiran.
- f. Menyelaras pengurusan inventori peralatan IT, audio dan visual termasuk penyimpanan rekod, pemantauan aset serta pengemaskinian maklumat selaras dengan tatacara pengurusan aset yang ditetapkan.
- g. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

7. TATACARA PERMOHONAN

Borang permohonan - borang KUPU SB/P1 bolehlah dimuat turun dengan melayari laman web: www.kupu-sb.edu.bn.

Kolej Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat dan disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi untuk menjalani sesi ujian/temuduga.

Bagi pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan adalah dihendaki untuk menghantar permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menghadapkan satu **LAPORAN SULIT**, salinan **PRESTASI TIGA (3) TAHUN KEBELAKANGAN**, dan satu salinan **REKOD PERKHIDMATAN** yang lengkap.

Jika tiada maklum balas diterima dalam tempoh enam (6) bulan atau lebih, permohonan dianggap tidak berjaya.

Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**BAHAGIAN PENTADBIRAN
PEJABAT PENDAFTAR
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KM 2, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA,
BANDAR SERI BEGAWAN, BA 2111,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tarikh Buka Iklan:
19 MAC 2026

Tarikh Tutup Iklan:
8 APRIL 2026

Rujukan Iklan:
KUPU SB/PJW/6.01/26-1D

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor 2236277.